

PM mahu industri berteknologi tinggi diagih2

19 NOV 1991

BANGI 18 Nov. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu industri berteknologi tinggi tidak tertumpu kepada satu kawasan tertentu saja tetapi dapat diagih-agihkan ke negeri-negeri lain seperti Kedah dan Melaka.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sanggup menyediakan segala kemudahan dan infrastruktur yang perlu, asalkan para pelabur bersedia mengadakan projek berteknologi tinggi di kawasan-kawasan yang masih ketinggalan dari segi perindustrian.

Menurutnya, jika dilihat dari segi pelaburan, jumlah tenaga kerja dan penempatan, adalah jelas para pelabur merancang projek berdasarkan kemajuan sesebuah negeri.

"Oleh itu projek-projek berteknologi lebih tinggi dan yang mengandungi nilai tambahan yang lebih, banyak bertumpu di negeri yang lebih maju seperti Pulau Pinang, Selangor dan Johor," katanya kepada para pemberita selepas merasmikan pembukaan dua buah kilang Kumpulan Hitachi di sini hari ini.

Kilang-kilang tersebut ialah Hitachi Air Conditioning Products (Malaysia) Sdn. Berhad dan Hitachi Electronic Products (Malaysia) Sdn. Berhad.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan melalui agensi-agensinya sentiasa memberi galakan pelaburan supaya para pelabur turut melabur ke negeri-negeri lain yang masih kurang industri tetapi minat mereka masih di negeri-negeri yang lebih maju.

"Oleh kerana kawasan-kawasan tumpuan itu sekarang sudah kekurangan tanah dan pekerja, saya fikir tiba masanya para pelabur mendirikan projek berindustri tinggi di kawasan yang kurang industri ini," tambah beliau.

Katanya, tumpuan industri di kawasan-kawasan yang lebih maju menyebabkan banyak pengurusan kilang menghadapi masalah mendapatkan pekerja hingga ada yang terpaksa mendapatkan pekerja daripada

LIHAT MUKA 2

PM MAHU INDUSTRI TEKNOLOGI TINGGI DIAGIH-AGIH

Pahang dan Terengganu.

Menurut beliau, pertumbuhan industri di kawasan-kawasan yang kurang industri seperti di Pantai Timur akan memberi peluang kepada penduduk di situ bekerja termasuk surirumah.

"Dengan ini suri-suri rumah yang tidak mahu bekerja jauh daripada tempat tinggal mereka juga berpeluang bekerja di kilang-kilang tersebut," ujarnya.

Berhubung dengan Kawasan Perusahaan Teknologi Tinggi di Kulim, Kedah, Perdana Menteri berharap projek-projek yang berteknologi canggih akan berpusat di situ.

"Kawasan itu jika mendapat sambutan akan melaburkan era

baru bag sektor perindustrian di negara ini," tambah beliau.

Menurutnya, operasi di kawasan tersebut sudah dimulakan dan akan bergerak sepenuhnya tidak lama lagi.

Bagaimanapun, Perdana Menteri enggan mengulas bentuk-bentuk industri canggih yang akan beroperasi di kawasan tersebut.

"Banyak cadangan pelaburan telah diterima dan kerajaan akan memberi segala kemudahan bagi para pelabur menjalankan operasi mereka," jelas beliau.

Menurutnya, Malaysia kini lebih berminat dengan industri yang bermodal tinggi, yang mempunyai nilai tambahan tinggi,

canggih serta sesuai dengan peradaran zaman.

"Oleh kerana pengangguran bukan lagi menjadi masalah, kita tidak lagi memerlukan projek-projek yang berintensif buruh, yang mengeluarkan barangan yang rendah nilai tambahannya serta melibatkan nilai teknologi yang rendah," tambah beliau.

Perdana Menteri turut yakin dengan masa depan negara dalam bidang elektrik dan elektronik.

Katanya, pengalaman Syarikat Hitachi, Matsushita, Motorola dan Intel telah dapat menunjukkan kepada dunia bahawa sumber tenaga kerja di negara ini boleh menandingi pekerja kilang mereka di

Jepun dan Amerika Syarikat daripada segi kualiti dan produktiviti.

Menyentuh tentang Syarikat Hitachi, Perdana Menteri berkata, komitmen yang ditunjukkan oleh syarikat itu amat mantap sekali dengan wujudnya sejumlah 13 projek perkilangan yang bertumpu kepada bidang elektrik dan elektronik di negara ini.

Dalam majlis hari ini, Hitachi Jepun turut menyumbang wang berjumlah \$50,000 kepada Badan Amal Kebajikan Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAK-II).

Cek tersebut diserahkan oleh Pengerusi Hitachi Jepun, Enik Katsushige Mita kepada Dato' Sri Dr Mahathir Mohamad